



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

SEMPENA

**MAJLIS AMANAT TAHUN BARU 2024 YB MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

15 JANUARI 2024 (ISNIN)

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU)

Terima kasih saudara/saudara pengacara majlis.

Assalamualaikum dan Salam Malaysia MADANI.

Yang Berhormat Tuan Kula Segaran

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)

Yang Berbahagia Dato' Sri Khairul Dzaimiee

Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

Yang Berbahagia Datuk, Tuan/Puan ketua-ketua Jabatan serta semua hadirin yang dikasihi.

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. atas keizinan-Nya jua, kita masih dikurniakan kesihatan yang baik untuk bersama-sama berkumpul bagi Program Amanat sempena Tahun Baru 2024. Di kesempatan ini belum terlambat rasanya untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baharu 2024 serta merakamkan penghargaan dan ribuan terima kasih atas jasa bakti dan komitmen Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan selama ini dalam menjayakan tugas serta agenda Kerajaan Madani/perpaduan di bawah Kluster Undang-undang dan Reformasi Institusi yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita semua sepanjang tahun lalu. Adalah menjadi harapan saya agar kita dapat mengekalkan kecemerlangan ini atau lebih baik lagi pada tahun ini.

2. Saya juga merasa amat berbesar hati dengan kehadiran pengurusan tertinggi Jabatan Bantuan Guaman dan Jabatan Insolvensi Malaysia serta jabatan lain yang terdiri daripada Lembaga Penasihat, Bahagian Perlindungan, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Pusat Timbangtara Antarabangsa Asia (AIAC) dan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) yang jarang saya temui dalam satu majlis. Sesungguhnya kehadiran semua pihak ini amat bermakna dan jelas menunjukkan tanda sokongan dan komitmen warga

perundangan ini terhadap apa juga dasar yang didokong oleh kerajaan, warga UURI tetap komited dalam melaksanakan tugas masing-masing. Syabas saya ucapkan.

Saudara-saudari hadirin yang saya hormati,

3. Mengimbas kembali tahun 2023, terdapat beberapa pencapaian Jabatan dan Agensi yang membanggakan yang menjadi testimoni usaha gigih dan semua pihak yang berada di sini. Pelbagai langkah penambahbaikan yang berterusan termasuklah melalui pindaan kepada perundangan sedia ada dalam memastikan kepentingan rakyat terus diutamakan selari dengan nilai-nilai Malaysia MADANI. Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) pada tahun 2023 telah dipandu oleh empat teras. Pertamanya, untuk merakyatkan undang-undang, di mana undang-undang bukan sahaja digubal tetapi penekanan diberi kepada kesan undang-undang yang positif kepada semua lapisan masyarakat. Kedua, memperkenalkan aspek digital kepada sistem-sistem yang sedia ada, contohnya bagi pelepasan golongan muflis dan permohonan bantuan guaman, untuk memberi servis yang efisien kepada rakyat. Ketiga, meningkatkan kedudukan Malaysia dari segi hak asasi manusia ke taraf antarabangsa, terutamanya bagi perniagaan (NAPBHR) pada masa yang sama, menggalakkan pelaburan asing. Dan yang keempat, mempertahankan kedaulatan negara daripada anasir luar.

4. Bagi 2024 pula, Kerajaan Perpaduan akan memberi fokus kepada pelbagai usaha yang akan menyumbang kepada aspirasi Malaysia MADANI, pada masa yang sama, meningkatkan taraf Malaysia dari segi perundangan dan amalan terbaik untuk menarik pelabur asing dan meningkatkan potensi ekonomi negara, di samping menjaga hak asasi setiap warga Malaysia.

5. Pertamanya, **Pindaan Undang-Undang Sedia Ada** akan diberi fokus demi memastikan undang-undang yang ada bersifat holistik dan dapat diperkasakan dengan efisien, selaras dengan perkembangan teknologi semasa dan amalan baik antarabangsa. Pada masa yang sama, bagi mencapai aspirasi Malaysia MADANI di mana adanya kestabilan politik, kebebasan bersuara rakyat, dan institusi yang bebas dari rasuah, **undang-undang baharu akan digubal**. Antaranya termasuk Undang-

Undang Perkhidmatan Parlimen, Kebebasan Maklumat, Ombudsman Malaysia, Pendanaan Politik dan Keupayaan Mental.

6. Selain itu, bagi **Meningkatkan Kedudukan Malaysia di peringkat Antarabangsa** dalam aspek hak asasi dan perundangan, Kerajaan Malaysia akan meratifikasi Konvensyen Singapura dan Pindaan kepada Akta Pengantaraan 2012/ Penggubalan Akta Baharu serta Konvensyen Lanzarote (The Council of Europe Convention on Protection of Children against Sexual Exploitation and Sexual Abuse). Kita harus sedar bahawa banyak isu, contohnya jenayah seksual terhadap kanak-kanak, adalah isu global yang tidak kenal sempadan, lantas memerlukan kerjasama antarabangsa untuk ditangani dan dibanteras.

7. Dalam usaha **Mereformasikan Institusi Perundangan**, TIGA pusat perundangan akan ditubuhkan atau distruktur semula iaitu”

7.1 Penubuhan Pusat Pembaharuan Undang-undang Komersial bagi hal-hal perundangan berkaitan dengan bidang perniagaan;

7.2 Penstrukturan Semula Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (Malaysia) (AIAC); dan

7.3 Penubuhan Pusat Mediasi MADANI bagi tujuan menggalakkan rakyat menyelesaikan pertikaian melalui mediasi kerana mediasi merupakan proses yang lebih murah dan cepat. Diharap dengan reformasi institusi perundangan ini kesejahteraan rakyat dapat dijamin selaras dengan pendekatan MADANI selain meningkatkan prestasi perundangan di Malaysia.

8. Kerajaan Perpaduan **mengutamakan hak asasi manusia** bagi setiap rakyat Malaysia dan juga warga asing yang bekerja di Malaysia. Rentetan daripada kajian yang dijalankan pada tahun lepas, pada tahun ini pula, dua pelan tindakan bagi hak asasi manusia akan diterbit iaitu Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia (National Action Plan on Business and Human Rights - NAPBHR) dan Fasa Kedua Pelan Tindakan Mengenai Hak Asasi Manusia Kebangsaan (National Human Rights Action Plan - NHRAP). Kedua-dua pelan hak asasi manusia ini akan menyumbang kepada penambahbaikan ekonomi negara

dengan kemasukan pekerja-pekerja asing dan juga pelabur-pelabur asing.

9. BHEUU akan meneruskan **kajian-kajian komprehensif** pada tahun ini sebagai *groundwork* kepada penggubalan akta-akta baharu. Antaranya, Kajian Pengasingan Peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya, Kajian Kewajaran Penggubalan Akta Pembelaan Awam dan Penubuhan Pejabat Pembelaan Awam bagi kes jenayah di Malaysia, Kajian pindaan perundangan sedia ada dan penggubalan undang-undang baharu berhubung prosedur bagi menangani jenayah *scam*.

10. Tidak dapat dinafikan bahawa kita akan menghadapi **cabaran-cabaran pelaksanaan**, seperti Isu-isu Rentas Sektor; Penggubalan Akta yang Bersifat Teknikal; Cabaran untuk Menyeimbangkan Kepentingan semua pihak dan Isu-Isu Kekurangan Sumber. Namun, tuan-tuan dan puan-puan, saya yakin bahawa usaha bersama kita semua dan semangat tidak putus asa akan banyak membantu dalam merentasi halangan dan cabaran ini. Saya juga meminta sokongan daripada semua agensi terutamanya dalam isu-isu rentas sektor (*cross-sectoral issues*) untuk memberi bekerjasama sebaik mungkin kerana kita semua ingin mencapai aspirasi yang sama, iaitu sebuah Malaysia MADANI.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin berkongsi dengan anda semua bahawa beberapa **hala Tuju Reformasi Institusi** sedang dipertimbangkan bagi tahun 2024 yang tidak lama akan diangkat bagi pertimbangan Jemaah Menteri.

12. Aspirasi yang didukung oleh Kerajaan adalah agar seluruh rakyat termasuk semua warga Undang-Undang dan Reformasi Institusi serta agensi-agensi berkaitan turut bersama-sama Kerajaan MADANI dalam membangunkan sebuah negara Malaysia yang mengecapi segala bentuk kemajuan dan kemodenan kejayaan inisiatif di bawah Aspirasi MALAYSIA MADANI. Sehingga itu pada tahun ini, adalah menjadi harapan saya bagi kita semua menggandakan usaha memfokuskan peranan Undang-Undang dan Reformasi Institusi dalam menyumbang kepada pemulihan ekonomi dan pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

